

## ANALISIS KESALAHAN NAHU (SINTAKSIS) BAHASA ARAB DALAM KARANGAN PELAJAR PENGAJIAN TAHUN ASAS BAHASA ARAB, KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

Nor Effendy Ahmad Sokri<sup>1</sup>, Mohammad Rofian Ismail<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[noreffendy@kuis.edu.my](mailto:noreffendy@kuis.edu.my), [mohdrofian@kuis.edu.my](mailto:mohdrofian@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan menganalisis kesalahan Nahu dalam karangan pelajar Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab, semester 2. Kajian ini dilakukan terhadap 9 orang pelajar yang dipilih keseluruhannya dengan menggunakan penulisan karangan mereka sebagai data kajian. Data kajian ini dibentangkan mengikut kaedah analisis kandungan secara kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesalahan nahu seperti kesalahan dalam penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin), kesalahan dalam penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*), kesalahan dalam frasa (*Idhafah* dan *Sifah*) dan kesalahan dalam penggunaan kosa kata (*Mufradaat*). Hasil kajian telah mendapati bahawa kesalahan penggunaan kosa kata (*Mufradaat*) mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50 kesalahan (48.08%). Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan frasa (*Idhafah dan Sifah*) iaitu 29 kesalahan (27.88%) dan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*) sebanyak 24 kesalahan (23.08%). Manakala jumlah kekerapan kesalahan penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin) ialah 1 (0.96%). Penyelidik mencadangkan aktiviti *Jawlah Lughawiyah* dilaksanakan. Selain itu, guru dicadangkan untuk menggunakan pendekatan berkesan untuk penguasaan penulisan karangan bahasa Arab.

Kata Kunci : Analisis, Kesalahan Nahu, Karangan, Pelajar, Bahasa Arab

### PENDAHULUAN

Sebagai pengenalan sebagaimana yang diterangkan di dalam (<http://www.kuis.edu.my>) Pusat Asasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor yang selepas ini dirujuk sebagai KUIS, telah ditubuhkan pada bulan Ogos 2008 bagi melaksanakan program-program di peringkat Kursus Asas dan bertujuan menyediakan calon untuk peringkat Ijazah Pertama di KUIS. Dengan kata lain, program-program yang ditawarkan di Pusat Asasi ini merupakan 'feeder' program kepada program Sarjana Muda yang ditawarkan di Fakulti Pengajian.

Melalui program-program yang ditawarkan KUIS beriltizam untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bakal menjadi pelajar cemerlang di peringkat ijazah pertama yang seterusnya menjadi graduan yang berkualiti, berketrampilan dan berdaya maju dalam bidang-bidang yang diceburi. Program-program di peringkat pra-ijazah yang ditawarkan merupakan 'feeder' program kepada program sarjana muda KUIS. Ia memberi dan menambah peluang pengajian pra-universiti kepada Bumiputra Islam sebelum melangkah ke peringkat ijazah pertama.

Di samping itu, ia adalah laluan singkat ke peringkat ijazah pertama di KUIS tanpa melalui program di peringkat diploma yang ditawarkan selama tiga tahun (atau enam semester). Justeru, pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari pelbagai jenis sekolah yang memperolehi pencapaian yang baik boleh dipertimbangkan untuk mengikuti program pengajian di peringkat asasi ini. Terdapat 6 program Asasi yang ditawarkan. Salah satunya ialah Program Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik sepanjang berlangsungnya kursus ini, didapati penguasaan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar adalah lemah. Mereka menghadapi kesukaran untuk menulis ayat dengan sempurna dan menepati aspek-aspek nahu bahasa Arab. Implikasinya, pelajar kerap melakukan kesalahan yang sama berulang kali atau kesalahan yang baharu. Gaya bahasa yang ditulis oleh pelajar dalam karangan bahasa Arab masih terikat dengan pengaruh bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu. (Saupi Man, 1992 dalam Baharum & Samah, 2015) dalam dalam kajiannya mendapati kebanyakan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab mempunyai kelemahan yang ketara dalam kemahiran bahasa terutama dalam aspek penulisan. Malahan ia bertambah dari semasa ke semasa walaupun banyak usaha yang dilakukan. Antara usaha yang dijalankan ialah mengenal pasti faktor penyumbang terhadap kelemahan mereka di samping pengaruh yang kuat daripada bahasa ibunda sendiri.

Oleh yang demikian, situasi ini telah mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian berkaitan kesalahan pelajar dalam karangan mereka dari aspek nahu bahasa Arab. Memandangkan di antara bentuk penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis ialah pelajar mampu untuk menulis ayat dalam perenggan atau petikan dengan baik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah:

- i. Menenalpasti kesalahan pelajar dari aspek nahu dalam penulisan karangan berpandukan gambar.
- ii. Mencadangkan penyelesaian berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi melalui analisa kesalahan pelajar dari aspek nahu.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini menfokuskan pada pencarian jawapan bagi soalan-soalan berikut:

- i. Apakah bentuk kesalahan nahu dalam penulisan karangan bergambar pelajar?
- ii. Apakah cadangan yang tuntas dalam menyelesaikan masalah kesalahan nahu pelajar dalam penulisan karangan?

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini hanya menfokuskan kepada sampel data dalam bentuk penulisan karangan pelajar. Kajian (Ismail et al., 2014) adalah landasan utama penyelidik menjadikannya sebagai kerangka kajian. Namun terdapat perbezaan dari aspek bilangan pelajar yang dilibatkan dalam kajian ini. Kajian (Ismail et al., 2014) telah melibatkan 30 orang pelajar manakala di

dalam kajian ini penyelidik telah melibatkan 9 orang pelajar sahaja di mana mereka adalah satu-satunya kumpulan pelajar yang wujud pada sesi pengajian yang lalu iaitu sesi 3, 2016/2017. Ketika itu, mereka berada di semester yang ke 2 dan mereka telah mempelajari kursus *al-Tatbiqat Fi al-Kitabah I* (Aplikasi Kemahiran Menulis I).

Untuk mendapatkan data kajian, penyelidik telah meminta para pelajar untuk menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberikan. Sebelum memulakan ujian penulisan, penyelidik telah memberikan arahan dengan jelas kepada semua pelajar. Penyelidik telah mengarahkan para pelajar untuk menyiapkan penulisan karangan ini selama 40 minit dengan panjang karangan antara 100 hingga 200 patah perkataan. Setelah dipastikan para pelajar telah memahami arahan yang diberikan, barulah penyelidik membenarkan para pelajar tersebut untuk memulakan penulisan.

Penyelidik telah mengfokuskan kepada 4 aspek dalam kesalahan tatabahasa yang dilakukan oleh pelajar iaitu:

1. Kesalahan penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin).
2. Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*)
3. Kesalahan penggunaan frasa (*Idhofah dan Sifah*)
4. Kesalahan penggunaan kosa kata (*Mufradaat*)

## ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Semua data yang telah diperolehi telah dianalisa dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Kemudian, dapatan kajian tersebut diterangkan kepada pembaca dengan menggunakan jadual agar memudahkan pembaca untuk memahami dapatan kajian ini.

Tidak dapat disangkal bahawa dalam ujian penulisan karangan, para pelajar telah melakukan pelbagai kesalahan tatabahasa dalam pembinaan ayat. Namun, penyelidik hanya menfokuskan kepada 4 aspek kesalahan tatabahasa seperti yang telah dinyatakan di atas. Selepas itu, penyelidik akan menghuraikan kesalahan-kesalahan aspek yang dipilih dengan terperinci dan memberikan pembetulan kepada setiap kesalahan tersebut.

### Soalan Kajian 1: Kesalahan pelajar dari aspek nahu (sintaksis) dalam penulisan karangan.

Kesalahan penggunaan aspek-aspek nahu (sintaksis) yang telah dikenalpasti dalam penulisan para pelajar dalam kursus *Al-Tatbiqat fi Al-Kitabah I* berdasarkan kekerapan dan peratusan adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual 1:

*Jadual 1: Analisa kesalahan pelajar dari aspek nahu (sintaksis) dalam penulisan karangan.*

Jenis kesalahan	Kekerapan	Peratusan
1. Kesalahan penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin).	1	0.96%
2. Kesalahan penggunaan kata ganti nama diri ( <i>Dhamir</i> )	24	23.08%
3. Kesalahan penggunaan frasa ( <i>Idhofah dan Sifah</i> )	29	27.88%
4. Kesalahan penggunaan kosa kata ( <i>Mufradaat</i> )	50	48.08%

---

**Jumlah 104                      100%**

---

Berdasarkan jadual di atas, didapati kesalahan penggunaan kosa kata (*Mufradaat*) mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50 kesalahan (48.08%). Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan frasa (*Idhafah dan Sifah*) iaitu 29 kesalahan (27.88%) dan kesalahan penggunaan kata ganti nama diri (*Dhamir*) sebanyak 24 kesalahan (23.08%). Manakala jumlah kekerapan kesalahan penggunaan jantina (Maskulin dan Feminin) ialah 1 (0.96%).

### 3.1 Item 1: Kesalahan Penggunaan jantina (Maskulin & Feminin)

Di dalam bahasa Arab, penggunaan jantina adalah melibatkan Maskulin (*Muzakkar*) dan feminin (*muannath*). Menurut (Asmawi, M.N, 2010 dalam Ismail et al.,2014) kalimah maskulin dan feminin samada dalam bentuk tunggal atau jamak mestilah diserasikan dan disamakan. Penyerasian ini berlaku juga pada frasa-frasa yang lain melibatkan kata sifat dari segi bilangan mahupun jenis.

Jadual 2 menunjukkan kesalahan Penggunaan jantina (Maskulin & Feminin).

*Jadual 2: Kesalahan Penggunaan jantina (Maskulin & Feminin)*

<b>Sampel 1</b>	<b>Kesalahan Nahu</b>	إِنِّي سَعِيدٌ جَدًّا
	<b>Penggunaan yang betul</b>	إِنِّي سَعِيدَةٌ جَدًّا

Dalam ayat di atas, sampel ialah berjantina feminin (*muannath*). Penggunaan jantina maskulin (*Muzakkar*) pada predikat (سعيد) tidak selari dengan jantina sampel. Keadaan ini menyebabkan berlakunya kesalahan pada nahu bahasa Arab. Kalimah (إِنِّي) adalah gabungan (إِن) dengan *dhamir muttasil* (Kata ganti nama diri terikat) iaitu (ي) yang bermaksud “saya”. Perkataan tersebut tidak menunjukkan tanda *muannath* yang jelas contohnya *tha' marbutah*, lalu ia menyebabkan pelajar mudah menjadi keliru. Dalam hal ini, pelajar perlu lebih mendalami kaedah tatabahasa bahasa Arab yang digunakan pada perkataan tersebut kerana ia akan membantu pelajar untuk menentukan dengan baik jantina yang dimaksudkan dalam ayat ini.

### 3.2 Item 2: Kesalahan penggunaan Kata Ganti Nama Diri (*Dhamir*)

Kata Ganti Nama Diri (*Dhamir*) memainkan peranan yang penting untuk memahami maksud ayat. Terdapat 14 Kata Ganti Nama Diri (*Dhamir*) menjadi asas kepada Morfologi (*al-Sarf*) yang melibatkan kata kerja (*af'al*) yang utama seperti *tasrif fiil al-Madhiy*, *fi'il al-Mudhari'*, *fi'il al-Amr*. Para pelajar perlu menghafal dan mengingat pelbagai bentuk bongkah binaan atau morfem *tasrif* untuk setiap kata kerja (*af'al*) tersebut. (Hamid,2015) menerangkan bahawa terdapat 3 jenis Kata Ganti Nama Diri (*Dhamir*) dalam bahasa Arab iaitu: Kata Ganti Nama Diri Bebas (*Dhamir Munfasil*), Kata Ganti Nama Diri Terikat (*Dhamir Muttasil*) dan Kata Ganti Nama Kosong (*Dhamir Mustatir*).

Jadual 3 menunjukkan Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri (*Dhamir*).

Jadual 3: Kesalahan Penggunaan Kata Ganti Nama Diri (Dhamir).

Sampel 3	Kesalahan Nahu	أنا مع أسرتي يعملون الأنشطة المختلفة.
	Penggunaan yang betul	أنا و أسرتي <u>قمنا</u> بالأنشطة المختلفة.

Dalam ayat di atas terdapat kesalahan yang berangkai dan mempunyai perkaitan antara satu dengan yang lain. Pertama: Kata ganti nama diri terikat pada predikat (يعملون) tidak selari dengan subjek iaitu (أنا) dan (أسرتي). Hal ini menjadi satu kesalahan dalam kaedah tatabahasa bahasa Arab. Penjelasannya ialah di dalam subjek terdapat kalimah Kata Ganti Nama Diri Bebas Pertama (أنا) atau *al-Dhamir Munfasil Lil Mutakallim* yang bermaksud “Saya” dan gabungan beberapa kalimah di dalam (مع أسرتي) yang bermaksud “bersama keluarga saya”. Dalam erti kata yang lain, subjek bagi ayat ini ialah “Saya dan keluarga (saya)” (أنا مع أسرتي). Di dalam tatabahasa bahasa Arab, subjek seperti ini ditetapkan sebagai *jamak* kerana jumlah pelaku di dalam ayat tersebut melebihi dari seorang. Oleh itu, kata ganti nama diri pertama yang paling sesuai untuk diserasikan di dalam kata kerja ialah kata ganti nama kosong (*Dhamir Mustatir*) iaitu “kami” (نـ). Kedua: tatabahasa bahasa Arab juga telah menetapkan bahawa subjek dan predikat perlu serasi dari aspek jumlah pelaku. Predikat (يعملون) ialah kata kerja yang mengandungi morfem kata ganti nama diri terikat iaitu (ـون) yang bermaksud “mereka sedang bekerja”. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, subjek menunjukkan bilangan pelaku jamak “kami”. Jadi, predikat perlu diserasikan dengan subjek. Ketiga: dari aspek kosa kata (*mufradaat*) kata kerja (يعملون) yang berasal dari komponen dasar (عَمِلَ) bermaksud “bekerja”. Sedangkan makna keseluruhan ayat yang dikehendaki ialah “Saya dan keluarga telah melakukan pelbagai aktiviti.” Penggunaan kata kerja “melakukan” lebih sesuai digunakan dalam ayat ini iaitu (قُمْنَا). Kesimpulannya, kelemahan yang pertama di pihak pelajar ialah apabila pelajar ini tidak menguasai morfem *tasrif af'al*. Kedua, pelajar kurang mahir dalam membina ayat nominal iaitu ayat yang dimulai dengan isim (*Jumlah Ismiyyah*) (Hamid, 2015). Ketiga, pelajar masih lemah dari aspek kosa kata (*mufradaat*).

### 3.3 Item 3: Kesalahan Penggunaan Frasa (*Idhafah* dan *Sifah*)

Frasa ialah gabungan dua atau lebih perkataan yang memberi pelbagai makna. Antara frasa nama yang terdapat dalam struktur ayat bahasa Arab ialah frasa *Idhafah* dan frasa *Sifah*. (Hamid, 2015) dalam kajiannya menyatakan bahawa frasa *Idhafah* ialah gabungan sekurang-kurangnya antara dua kalimah isim. kalimah pertama dinamakan *Mudhaf*, manakala kalimah yang kedua dinamakan *mudhaf ilaih*. Binaan frasa nama seperti ini dalam tatabahasa Melayu dikenali sebagai binaan (frasa nama inti + penerang). Istilah inti merujuk kepada *mudhaf*, sementara istilah penerang pula merujuk kepada *mudhaf ilaih*. (Hamid, 2015) melanjutkan penerangannya tentang frasa *sifah* di mana menurut beliau ia adalah gabungan sekurang-kurangnya dua perkataan, di mana kalimah yang pertama dinamakan *mausuf* dan kalimah yang kedua dinamakan *sifah*. *Mausuf* ialah perkataan yang dijadikan sebagai sandaran kepada sifat yang terdapat di selepasnya. Manakala *sifah* merujuk kepada isim atau frasa yang berada di selepas *mausuf* dan berfungsi sebagai penjelas makna kepada *mausuf*.

Jadual 4 menunjukkan Kesalahan Penggunaan Frasa *Sifah*.

Jadual 4: Kesalahan Penggunaan Frasa *Sifah*

Sampel 9	Kesalahan Nahu	يمكنني أن أقضي أوقات المهمة مع أسرتي في بروناي.
	Penggunaan yang betul	يمكنني أن أقضي الأوقات المهمة مع أسرتي في بروناي.

Jadual 4 menunjukkan bahawa telah berlaku kesalahan penggunaan frasa *Sifah* pada perkataan (أوقات). Di dalam kaedah tatabahasa nahu bahasa Arab, perkataan (أوقات) ditetapkan sebagai *mausuf* manakala perkataan (المهمة) ditetapkan sebagai *Sifah*. Maksud ayat yang dikehendaki ialah “waktu-waktu yang penting”. Menurut (Hamid, 2015) lagi di dalam kaedah tatabahasa bahasa Arab, terdapat empat aspek keserasian yang perlu wujud antara *mausuf* dan *sifah* iaitu dari aspek jantina, aspek jumlah, aspek perujukan dan aspek fleksi *I'rab*. Oleh itu, dapat dinyatakan di sini bahawa kesalahan yang berlaku pada ayat ini adalah tidak wujud keserasian antara *mausuf* dan *sifah* dari aspek perujukan. (Hamid, 2015) menegaskan bahawa *Mausuf* dan *sifah* perlu diserasikan sebagai isim *ma'rifah* (*definite article*).

### 3.4 Item 4: Kesalahan Penggunaan Kosa Kata (Mufradaat)

Pada kebiasaannya, menurut (al-Naqah, 1983) kosa kata dapat dikuasai melalui kemahiran mendengar dan membaca, seterusnya melalui kemahiran bercakap dan menulis. Ini menunjukkan bahawa kosa kata hendaklah dipelajari melalui ayat atau ungkapan. Dalam erti kata lain, kosa

kata itu tiada memberi impak jika pelajar hanya cenderung menghafal, tetapi tidak memahami maksud dan konteks penggunaannya.

Jadual 5 menunjukkan Kesalahan Penggunaan Kosa Kata (*mufradaat*).

*Jadual 5: Kesalahan Penggunaan Kosa Kata (Mufradaat)*

Sampel 8	Kesalahan Nahu	أمي تعدّ المكولات والشرابات في عيد الفطر.
	Penggunaan yang betul	أمي تعدّ المأكولات والمشروبات في عيد الفطر.

Jadual ini menunjukkan kesalahan penggunaan kosa kata pada dua perkataan iaitu (المكولات) dan (الشرابات). Justeru, kalimah yang sepatutnya tepat mengikut konteks ayat yang digunakan pelajar ialah (المأكولات) yang bermaksud makanan dan kalimah (المشروبات) bermaksud minuman. Kesalahan di dalam memilih atau menulis kosa kata ini, boleh menyebabkan kekeliruan maksud dan makna ayat mengikut konteks ayat yang dikehendaki oleh pelajar.

## DAPATAN KAJIAN

Berikut merupakan dapatan kajian yang dapat disimpulkan berdasarkan persoalan kajian:

1. Secara umum, terdapat 104 kesalahan nahu terdapat dalam 9 buah karangan pelajar semester 2 Pengajian Tahun Asas Bahasa Arab. Kesalahan-kesalahan ini terdiri daripada aspek penggunaan kosa kata, kata ganti nama diri, jantina dan frasa. Dapatan ini telah memperkuat dapatan bagi kajian yang telah dijalankan oleh (Samah, 2012).
2. Kesalahan penggunaan kosa kata dalam karangan pelajar mencatatkan jumlah kekerapan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50 kesalahan (48.08%). Menurut (al-Naqah, 1987) dengan kosa kata, seseorang mampu berfikir kemudian menterjemahkan pemikirannya kepada ayat-ayat yang memberi makna yang dikehendakinya. Pada kebiasaannya, kosa kata dapat dikuasai melalui kemahiran mendengar dan membaca, seterusnya melalui kemahiran bercakap dan menulis.
3. Kekerapan kedua paling tinggi ialah kesalahan penggunaan frasa iaitu 29 kesalahan (27.88%). Dapatan ini telah menguatkan lagi dapatan yang telah diperolehi oleh Ab.Halim (2002).
4. Kesalahan penggunaan kata ganti nama ketiga paling tinggi iaitu 24 kesalahan (23.08%). Menurut (Baharum & Samah, 2015) kesalahan yang dilakukan adalah disebabkan pemikiran pelajar yang cenderung berfikir dalam bahasa Melayu sebelum menulis atau bertutur dalam bahasa Arab. Ini mengakibatkan mereka menghadapi kesukaran untuk menulis atau bertutur dengan penyusunan ayat yang betul. Manakala, kesalahan penggunaan jantina mencatatkan kekerapan paling rendah iaitu 1 kesalahan (0.96%). Ini

menunjukkan bahawa pelajar telah dapat membezakan sistem jantina dalam tatabahasa bahasa Arab.

## CADANGAN KAJIAN

Sebagai kesimpulan, penyelidik memandang serius dan cakna terhadap kelemahan pelajar dalam penulisan karangan bahasa Arab berdasarkan dapatan kajian yang telah dibincangkan. (Omar, Wan Abdul Hayyi Wan et al., 2014) telah mencadangkan aktiviti *Jawlah Lughawiyyah* kerana ia dilihat mampu untuk meningkatkan tahap kemahiran menulis dan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan penutur jati. Menurut dapatan kajian beliau, pemerolehan kosa kata baharu sepanjang mengikuti aktiviti *Jawlah Lughawiyyah* telah dimanfaatkan sebaiknya oleh pelajar dalam penulisan karangan mereka. Sebagai tambahan, (Samah, 2015) juga telah mencadangkan agar guru mengaplikasikan pendekatan memberi pendedahan tentang teknik penguasaan kosa kata yang pelbagai supaya mereka boleh mengumpul seberapa banyak kosa kata supaya dapat mengungkapkan ayat dengan mudah. Guru juga perlu mendedahkan gaya bahasa di samping menekankan tata bahasa tentang membina ayat. Selain itu, (Samah, 2015) telah menekankan tentang keperluan pelajar untuk mencari kosa kata dan frasa yang selalu digunakan dalam bahan berbahasa Arab dan mencatatkannya ke dalam buku catatan. Seterusnya, pelajar hendaklah bertanya orang kedua atau merujuk kamus bagi mengetahui makna dan penggunaannya yang sebenar. Manakala (Ismail et al., 2014) telah mencadangkan di dalam kajian beliau bahawa segala kesalahan nahu yang telah dianalisa perlu dikumpul dan disusun secara sistematik, kemudian dikembangkan ke dalam bentuk modul dan kamus khas, supaya para pelajar dapat merujuk kepada kesilapan-kesilapan yang biasa dilakukan oleh pelajar. Hal yang demikian, dapat membantu pelajar untuk meminimumkan kesalahan nahu semasa penulisan karangan bahasa Arab.

## RUJUKAN

- Ab.Halim Mohamad. (2002). *Pembelajaran Frasa Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Melayu: satu Analisa Kesalahan*. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Naqah, Mahmud Kamil & Thu'aimah, Rusydi Ahmad. (1983). *Al-Kitab al-Asasi li Ta'lim al-Lughah al-Arabiyyah Lin Nathiqina bi Lughat Ukhra*. Saudi: Universiti Ummul Qura.
- Hamid, Ashafizrol Ab. (2015). *Kata & Frasa Bahasa Arab: Ilmu Sorof Moden*. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd
- Hamid, Ashafizrol Ab. (2015). *Ilmu Nahu Tatabahasa Arab Huraian Matan Al-Ajurrumiyyah*. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd
- Hamid, Ashafizrol Ab. (2016). *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Kedah: Alasfiyaa Sdn Bhd



Ismail, Mohamad Rofian et al. (2014). *Analisis Kesalahan Nahu Bahasa Arab Dalam Karangan Pelajar Kursus Pengukuhan Bahasa Arab*. Prosiding Seminar International Research Management and International Conference 2014 (IRMIC2014). Kuala Lumpur: Research Management Centre KUIS.

Omar, Wan Abdul Hayyi Wan et al. (2014). *Penguasaan Kosa Kata Arab Menerusi Aktiviti "Jawlah Lughawiyah"*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014

Samah, R. (2012). *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(2), 555–569.

Samah, R. (2015). *Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Di Peringkat Menengah Rendah: Kajian Kepada Guru Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL)*

<http://asasi.kuis.edu.my/mengenai-kami>. Pusat Asasi KUIS.